

Kerjaya Prospek muncul pemegang saham strategik ES Sunlogy melalui tawaran RM18.76 juta

Julai 16, 2026



Pengarah Urusan ES Sunlogy, Khor Chuan Meng

KUALA LUMPUR: ES Sunlogy Bhd memperoleh Kerjaya Prospek Group Bhd sebagai pemegang saham strategik melalui pelaksanaan tawaran persendirian bernilai RM18.76 juta.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia pada Khamis, ES Sunlogy menjelaskan Kerjaya Prospek, melalui anak syarikat milik penuhnya, Acumen Marketing Sdn Bhd, telah melanggan 70 juta saham biasa baharu pada harga terbitan 26.8 sen sesaham.

Menurut syarikat itu harga terbitan tersebut mewakili diskaun kira-kira 9.9 peratus daripada harga pasaran purata wajaran volum lima hari bagi sahamnya pada 29.76 sen.

Susulan langganan itu, Acumen akan memegang kira-kira 9.09 peratus kepentingan ekuiti dalam modal saham terbitan ES Sunlogy yang diperbesarkan, menandakan penyertaan Kerjaya Prospek sebagai pemegang saham strategik.

Langganan itu juga mencerminkan keyakinan Kerjaya Prospek terhadap prospek pertumbuhan jangka panjang ES Sunlogy merentas perniagaan kejuruteraan mekanikal dan elektrik (M&E) serta tenaga boleh baharu.

ES Sunlogy memaklumkan, tawaran persendirian itu menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha pertumbuhan korporatnya susulan penyenaian di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd pada 20 Februari 2025.

Kerjaya Prospek menyatakan kepakaran ES Sunlogy yang terbukti dalam perkhidmatan kejuruteraan elektrik untuk sistem pengagihan bekalan elektrik; perkhidmatan kejuruteraan mekanikal untuk perkhidmatan bangunan; serta perniagaan tenaga boleh baharu yang semakin berkembang, sebagai faktor utama yang menyokong pelaburan tersebut.

"Selain perniagaan kejuruteraan M&E yang berdaya tahan, segmen tenaga boleh baharu ES Sunlogy menjadi tonggak pertumbuhan strategik yang menyediakan pendapatan berulang jangka panjang.

"Ini susulan operasi komersial projek Solar Fotovolta Berskala Besar (LSSPV) 4 pada 20.76 arus ulang-alik megawatt (MWac) di bawah Loji LSSPV Junjong pada 24 Julai 2023, dan loji solar fotovolt 29.99 MWac di bawah Program Tenaga Hijau Korporat pada 20 April 2026," jelasnya.

ES Sunlogy menjelaskan, berasaskan aset tenaga boleh baharu yang beroperasi itu, pihaknya berhasrat untuk memanfaatkan pengalaman terbuhtinya untuk merealisasikan peluang masa depan di bawah Program Solar Berskala Besar dan inisiatif tenaga boleh baharu lain yang diperkenalkan kerajaan Malaysia.

Pengarah Urusan ES Sunlogy, Khor Chuan Meng, berkata pelaburan Kerjaya Prospek mewakili sokongan kukuh terhadap model perniagaan, keupayaan pelaksanaan dan strategi pertumbuhan jangka panjang syarikat.

"Sejak disenaraikan, kami terus melaksanakan rancangan pertumbuhan melalui pemerolehan projek kejuruteraan M&E yang besar, mengembangkan tenaga boleh baharu dan memperkukuh kehadiran serantau kami.

"Menerusi sokongan pemegang saham strategik dan rakan niaga, kami kekal komited untuk memberikan nilai yang mampan di samping menyumbang kepada pembangunan infrastruktur dan agenda peralihan tenaga Malaysia," katanya.

-BERNAMA